

Falsafah



Strategi yang kami ikuti dan tindakan yang kami ambil diselaraskan untuk menghargai penghasilan bagi semua pemegang saham

Nilai Perkongsian Kumpulan AmBank

Cara AmBank - Budaya Kecemerlangan dan Profesionalisme

- **Mengutamakan Pelanggan**
Para pelanggan kami adalah tujuan kewujudan kami. Kami komited terhadap mereka dan akan berusaha untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk semua pelanggan kami.
- **Integriti**
Integriti dan kejujuran sangat penting dalam segala urusan yang kami lakukan. Kami melayani semua rakan perniagaan dan pesaing kami dengan sopan dan jujur.
- **Ketangkasan dan Kreativiti**
Kami berusaha untuk bersikap tabah, responsif dan tangkas dalam urusan kami. Kami tidak segan untuk menampilkan idea dan pendekatan yang baru.
- **Kualiti**
Sebarang keluaran atau perkara yang kami hasilkan mewakili Kumpulan AmBank. Kami tidak akan berkompromi terhadap apa yang perlu dilakukan demi menjaga reputasi Kumpulan.
- **Inisiatif**
Kami diberi kuasa untuk bertanggungjawab terhadap apa yang kami lakukan dan berusaha lebih daripada biasa dan mengguna pakai keputusan yang munasabah semasa dalam proses.
- **Wawasan dan Orientasi Matlamat**
Kami adalah kumpulan yang berjaya. Kemenangan dan wawasan kami dicapai melalui gagasan yang bermatlamat, bertanggungjawab dan komited.
- **Kerjasama Kumpulan**
Kerjasama kumpulan adalah intipati kejayaan kami. Kami secara rela bersatu dalam pasukan yang formal dan tidak formal, menghargai rakan kerja kami dan bekerjasama sepenuhnya dengan mereka.
- **Pemikiran Terbuka**
Semangat perhubungan yang terbuka penting buat kami. Kami akan memberi dan menerima kritikan yang membina. Kami sentiasa melayani semua orang dengan penuh rasa hormat dan mesra.
- **Kesedaran Diri**
Kami akan melatih, membina dan membangunkan warga kami untuk membolehkan mereka menyedari potensi terbesar mereka. Kami akan mengolah keupayaan mereka untuk menyumbang dengan bermakna kepada Kumpulan AmBank.

Struktur Korporat

Perniagaan Utama



Struktur Korporat

Syarikat Subsidiari Dan Bersekutu Dalam Operasi Pada 31 Julai 2004

Syarikat	% Efektif
1. Kewangan	
AmFinance Berhad	100.00
2. Pemegangan Harta Tanah dan Pelaburan	
Bougainvillaea Development Sdn Bhd	100.00
AmProperty Holdings Sdn Bhd	100.00
3. Pemegang Amanah/Kustodi/Normini	
MBf Trustees Berhad	60.00
MBf Nominees (Tempatan) Sdn Bhd	100.00
4. Syarikat-Syarikat Lain	
MBf Information Services Sdn Bhd	100.00
MBf Equity Partners Sdn Bhd	100.00
Natprop Sdn Bhd	100.00
5. Syarikat-Syarikat Bersekutu	
AmTrustee Berhad	20.00
6. Syarikat-Syarikat Lengai	
Annling Sdn Bhd	100.00
Crystal Land Sdn Bhd	80.00
Everflow Credit & Leasing Corporation Sdn Bhd	100.00
AmCredit & Leasing Sdn Bhd	100.00
<i>(dahulu dikenali sebagai Komewah Credit & Leasing Sdn Bhd)</i>	
Komuda Credit & Leasing Sdn Bhd	100.00
Lekir Development Sdn Bhd	100.00
Li & Ho Sdn Bhd	100.00
Malco Properties Sdn Bhd	51.00
MBf Nominees (Asing) Sdn Bhd	100.00
MBf Property Trust Management Berhad	100.00
Teras Oak Pembangunan Sdn Bhd	100.00



Struktur Organisasi



AMFB
Holdings
Berhad

LEMBAGA PENGARAH

Jawatankuasa Pengarah

Pemeriksaan & Audit
Ganjaran
Pencalonan
Jawatankuasa Pengarah Pengurusan Risiko
Jawatankuasa Eksekutif Pengarah

Jawatankuasa Pengurusan dan Perkongsian Perkhidmatan

Jawatankuasa Pengemudi Strategik Kumpulan
Jawatankuasa Pengurusan Risiko Eksekutif
Jawatankuasa Teknologi Maklumat Kumpulan
Jawatankuasa Tunggakan Kumpulan
Perbendaharaan Kumpulan
Perkhidmatan Korporat Kumpulan
Hal Ehwal Awam Kumpulan
Pemasaran Kumpulan
Sumber Manusia dan Latihan Kumpulan
Kewangan Kumpulan
Perundangan dan Sekretariat Kumpulan